

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN MOHD. YASSIN (PAGOH)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN MOHD. YASSIN [ PAGOH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah sebenar peruntukan yang diterima dan perbelanjaan sebenar oleh setiap Kementerian (pecahan mengikut Kementerian) setakat ini dari bulan Januari 2017 berbanding dengan jumlah yang diperuntukkan di dalam Bajet 2017.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan asal Mengurus 2017 ialah RM214.8 bilion manakala peruntukan asal Pembangunan ialah RM48 bilion (termasuk RM2 bilion simpanan luar jangka). Antara bulan Januari hingga Oktober 2017 terdapat beberapa pindaan di mana peruntukan Mengurus dipinda adalah RM216.04 bilion manakala peruntukan Pembangunan dipinda adalah berjumlah

RM45.05 bilion. Prestasi perbelanjaan sebenar bagi tempoh tersebut adalah sebanyak RM180.6 bilion untuk perbelanjaan Mengurus dan RM34.98 bilion bagi perbelanjaan Pembangunan.